

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Empunya Rumah / Isi Rumah . Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am

# INSURANS EMPUNYA RUMAH / ISI RUMAH

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini akan memberi perlindungan menyeluruh terhadap setiap kerugian atau kerosakan kepada rumah kediaman persendirian anda dan / atau isi kandungan akibat kebakaran dan peril yang dinyatakan

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan terhadap rumah kediaman persendirian atau isi kandungan akibat oleh :-

- Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah
- Letupan
- Pesawat udara dan peranti udara yang lain
- Hentaman oleh kenderaan atau binatang
- Pecahan atau limpahan tanki atau paip air
- Kecurian masuk secara paksaan dan keganasan
- Huriken, siklon, taufan, ribut petir
- Gempabumi, letusan gunung berapi
- Banjir
- Rompakan dan tahan di dalam premis

Dengan pembayaran premium tambahan, polisi ini boleh dilanjutkan perlindungannya keatas risiko – risiko berikut :-

- Penenggelaman, gelinciran tanah
- Rusuhan, mogok dan niat jahat

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah diinsuranskan:

- Perlindungan standard : RMxx premium untuk jumlah wang yang diinsuranskan RMxx
- Perlindungan tambahan : RMxx

Jumlah premium anggaran yang perlu anda bayar ialah : premium perlindungan standard + premium perlindungan tambahan

### 4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (jika ada)	6% daripada premium
b. Duti Setem	RM 10.00
c. Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, (jika ada)	15% daripada premium

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** : Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah

- **Kesan jumlah untuk diinsuranskan tidak mencukupi** – Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian iaitu insurans terkurang, anda harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata ini akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kerugian /kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman , gelinciran tanah, rusuhan dan kerosakan dengan niat jahat
- Apa-apa jenis kerugian turutan atau kerosakan
- Jumlah yang berlebihan
- Peperangan dan sebarang tindakan Keganasan

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans empunya rumah/ isi rumah, sila rujuk kepada kami atau boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web kami di [www.insuransinfo.com.my](http://www.insuransinfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

**MPI Generali Insurans Berhad**  
(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)  
8th Floor, Menara Multi-Purpose  
Capital Square  
No. 8, Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2034 9888

Fax: 03-2694 5758

Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?

Tidak berkaitan

**NOTA PENTING:**

**ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAHFAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.**

**ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/04/2015